



كمنترين سومبر-سومبر اوتام دان قلنچوغن

KEMENTERIAN SUMBER - SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

**KE ARAH MENINGKATKAN KELUARAN DAN SUMBANGAN
INDUSTRI PERTANIAN DAN PERIKANAN KEPADA
PERTUMBUHAN KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK)**

6 November 2021



PETIKAN TITAH

Bersempena Menyambut Awal Tahun Baru Masehi 2016

“Kita akan terus bergerak ke arah pertumbuhan ekonomi yang mantap dan berdaya saing, disamping menyedari, cabaran adalah hebat berbangkit dari keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu.

Disini, kita perlu turut melihat prestasi ekonomi kita sendiri, di mana beberapa tahun kebelakangan ini, kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah agak perlahan, **yang memerlukan negara menggandakan usaha untuk meningkatkan keluaran dalam negara, terutama yang di luar industri minyak dan gas.**

Diantara yang di luar industri minyak dan gas itu, ialah seperti **industri pertanian atau perikanan**, industri pembuatan, industri perkhidmatan, termasuk perkhidmatan kewangan, pengangkutan, logistik, telekomunikasi, perdagangan, pelancongan dan lain-lain.

Kita mustahak ingat, bahawa **pasaran dalam negara kecil, bukanlah alasan untuk menghalangi pertumbuhan keluaran**, malah setiap syarikat, sama ada ia milik persendirian atau milik kerajaan, adalah mampu untuk menasarkkan penjualan produk dan perkhidmatan mereka keluar negara sebagai **eksport**.

Beta sebelum ini pernah menekankan, bahawa **peningkatan pertumbuhan ekonomi boleh dicapai** dengan memberi keutamaan kepada **peningkatan produktiviti**, melalui penyelidikan dan **penggunaan teknologi terkini**.

Ini turut diyakini mampu untuk membantu mengurangkan unit kos pengeluaran, disamping juga akan membolehkan kita menembusi pasaran antarabangsa dengan menawarkan produk dan perkhidmatan kita. Dengan berlakunya ini, bererti, keluaran dan eksport kita adalah tumbuh, yang dengan sendirinya, akan meletakkan ekonomi kita juga berada di tahap berkembang dan tumbuh”.



2. VISI DAN MISI

VISI

Pertumbuhan Pesat Keluaran Industri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Yang Mampu Menyumbang Kepada Pertumbuhan Ekonomi demi Mencapai Wawasan Brunei 2035.


MISI

Mempercepatkan **pertumbuhan keluaran industri** sumber-sumber utama dan pelancongan untuk **menjadi penyumbang yang signifikan kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)** dengan menggalakkan **pelaburan dari dalam dan luar negara**, dan dengan memberi penekanan kepada **peningkatan produktiviti, penggunaan teknologi tinggi**, serta **memfokus kepada pasaran eksport**.



3. KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK)


Rajah 2: Nilai Keluaran Kasar Bagi Sektor Sumber-sumber Utama (Pertanian, Perikanan Dan Perhutanan) Bagi Tempoh 2016 Hingga 2020 Secara Amnya Meningkatkan Pada Kadar 4.1% Setahun Iaitu Dari \$554 Juta (2016) Kepada \$651 Juta (2020). Bagi Tahun 2021 (Keluaran Kasar Sehingga Jun), Adalah \$399 Juta.





4. PRESTASI KELUARAN KASAR INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA 2016 – SEHINGGA JUN 2021

RAJAH 2: NILAI KELUARAN KASAR BAGI SEKTOR SUMBER-SUMBER UTAMA (PERTANIAN, PERIKANAN DAN PERHUTANAN) BAGI TEMPOH 2016 HINGGA 2020 SECARA AMNYA MENINGKAT PADA KADAR 4.1% SETAHUN IAITU DARI \$554 JUTA (2016) KEPADA \$651 JUTA (2020). BAGI TAHUN 2021 (KELUARAN KASAR SEHINGGA JUN), ADALAH \$399 JUTA.






4. PRESTASI KELUARAN KASAR INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA 2016 – SEHINGGA JUN 2021

4.1 INDUSTRI PERTANIAN & AGRIMAKANAN

RAJAH 3: NILAI KELUARAN KASAR BAGI SEKTOR PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN BAGI TEMPOH 2016 HINGGA 2020 SECARA AMNYA MENINGKAT PADA KADAR 3.4% SETAHUN IAITU DARI \$413 JUTA (2016) KEPADA \$471 JUTA (2020).



Pencapaian nilai keluaran bagi Jan-Jun 2020 vs Jan-Jun 2021

	JAN-JUN 2020	JAN-JUN 2021
TERNAKAN	\$ 123.60 JUTA	\$181.54 JUTA
TANAMAN	\$28.33 JUTA	\$26.75 JUTA
AGRIMAKANAN	\$60.29 JUTA	\$85.73 JUTA
JUMLAH	\$212.22 JUTA	\$294.02 JUTA

☐ TERNAKAN



Meningkat sebanyak **47%**

☐ TANAMAN



Menurun sebanyak **6%**

☐ AGRIMAKANAN




Meningkat sebanyak **42%**



4. PRESTASI KELUARAN KASAR INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA 2016 – SEHINGGA JUN 2021

4.2 INDUSTRI PERIKANAN

RAJAH 4: NILAI KELUARAN KASAR BAGI SEKTOR PERIKANAN BAGI TEMPOH 2016 HINGGA 2020 SECARA AMNYA MENINGKAT PADA KADAR 9.9% SETAHUN IAITU DARI \$95 JUTA (2016) KEPADA \$139 JUTA (2020).



Pencapaian nilai keluaran bagi Jan-Jun 2020 vs Jan-Jun 2021

	JAN-JUN 2020	JAN- JUN 2021
PENANGKAPAN IKAN	\$ 35.73 JUTA	\$ 49.89 JUTA
AKUAKULTUR	\$ 10.92 JUTA	\$ 19.52 JUTA
PEMROSESAN IKAN	\$ 13.09 JUTA	\$ 16.06 JUTA
JUMLAH	\$ 59.74 JUTA	\$85.47 JUTA

- PENANGKAPAN IKAN** ↑ Meningkatkan sebanyak **40%**
- AKUAKULTUR** ↑ Meningkatkan sebanyak **79%**
- PEMROSESAN IKAN** ↑ Meningkatkan sebanyak **23%**



5. INISIATIF YANG DILAKSANAKAN KE ARAH MENINGKATKAN KELUARAN

Projek Rintis

'Local Market Facilitation'

Program Pembesaran Perusahaan

Sistem 'Account Manager'

'Contract Farming'

Standard Consultancy Program BGAP

'Export Market Facilitation'

Co-Matching

**Khidmat Nasihat Teknikal dan Pembangunan
Kapasiti**

Projek FDI dan Usahasama



5. INISIATIF YANG DILAKSANAKAN KE ARAH MENINGKATKAN KELUARAN

5.1 PROJEK RINTIS

Atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, penawaran tapak secara **Projek Rintis** telah diperkenalkan.

Projek Rintis bertujuan untuk memberikan peluang kepada para pengusaha atau peladang, termasuklah para belia yang berminat untuk menerokai bidang pertanian secara percubaan.

- ✓ Ditawarkan tapak dengan **keluasan yang bersesuaian dengan perusahaan.**
- ✓ Diusahakan dalam tempoh **2 tahun percubaan.**
- ✓ Jika pengusaha menunjukkan **prestasi yang sangat baik**, keluasan tapak boleh ditambah, dan tempoh penyewaan tanah boleh dilanjutkan ke satu tempoh yang berpatutan.



5. INISIATIF YANG DILAKSANAKAN KE ARAH MENINGKATKAN KELUARAN

5.1 PROJEK RINTIS

- Sejak **Projek Rintis Pertanian** diperkenalkan..
 - Seramai **104 pengusaha** telah ditawarkan tapak, melibatkan lebih **560.25 hektar** tanah pertanian, bertanam sayur buah seperti cili, timun, kacang panjang, tomato dan sayur daun seperi salad, bayam, cendawan dan pelbagai tanaman seperti moringga dan buah-buahan seperti nanas, markisa, buah naga, sekoi, durian dan lain-lain.
 - Seramai **49 pengusaha** adalah terdiri dari **golongan muda**.



5. INISIATIF YANG DILAKSANAKAN KE ARAH MENINGKATKAN KELUARAN

5.2 PROGRAM PEMBESARAN PERUSAHAAN (EXPANSION)

Program ini diperkenalkan yang berbentuk **penawaran tapak tambahan** kepada peladang-peladang **yang berjaya mengusahakan sepenuhnya tapak yang telah ditawarkan** kepada mereka, iaitu **bagi meningkatkan lagi hasil keluaran masing-masing**, bagi meningkatkan pendapatan peladang-peladang, dan bagi menyumbang kepada pertumbuhan KDNK sektor pertanian.

Sejak program pembesaran perusahaan diperkenalkan:

- **44 pengusaha telah ditawarkan tambahan tapak** bagi membesarkan perusahaan dan meningkatkan hasil ladang masing-masing.
- Daripada 44 pengusaha ini, seramai 28 **pengusaha adalah Pengusaha yang sedia ada** dan **16 pengusaha adalah Pengusaha Projek Rintis**.
- Dari jumlah tersebut, **11 pengusaha** adalah terdiri dari **golongan muda**.





5. INISIATIF YANG DILAKSANAKAN KE ARAH MENINGKATKAN KELUARAN

- Sejak program pembesaran perusahaan diperkenalkan....
- **Perikanan:**
 - **5 pengusaha** telah ditawarkan tambahan tapak bagi membesarkan perusahaan dan meningkatkan hasil ladang untuk perusahaan ternakan ikan dalam sangkar di tapak Tanjung Pelumpong, ternakan udang di tapak Sg. Penyatang dan Pangkalan Sibabau di Menteri, dan penetasan ikan air tawar di Sg. Jambu.



5. INISIATIF YANG DILAKSANAKAN KE ARAH MENINGKATKAN KELUARAN

5.3 PROGRAM CONTRACT FARMING

Program ini diperkenalkan untuk memastikan peladang-peladang akan dapat menjual hasil ladang mereka melalui kontrak jangka panjang dengan pasaraya-pasaraya dan pemborong-pemborong dalam negara, malah dengan pengeksport keluar negara.

Sejak *contract farming* diperkenalkan, **dalam Sektor Pertanian**

- **11 syarikat** telah membuat *contract farming* di peringkat permulaan dengan pasaraya-pasaraya tempatan bagi pembekalan berbagai jenis sayur-sayuran bernilai tinggi seperti tomato, *chilli*, *lettuce* atau sayur daun salad.
- **3 di antara syarikat-syarikat tersebut diusahakan oleh golongan muda.**





5. INISIATIF YANG DILAKSANAKAN KE ARAH MENINGKATKAN KELUARAN

Manakala, perladangan berkontrak (*Contract Farming*) bagi **Sektor Perikanan....**

- Perladangan berkontrak yang berjalan masa ini ialah dengan syarikat Pelabur Langsung Asing (FDIs) /Usahasama (JV):
 - **Membekalkan benih-benih ikan atau udang** kepada pengusaha-pengusaha tempatan;
 - **Menjamin pasaran iaitu melalui Skim Pembelian Balik (*buy-back*)** hasil ikan atau udang oleh syarikat pelabur langsung asing/usahasama daripada pengusaha-pengusaha tempatan;
 - Syarikat pelabur langsung asing/usahasama **menetapkan spesifikasi hasil ikan atau udang**, seperti dari standard; kualiti; dan lain-lain mengikut keperluan. **Ini perlu dipatuhi oleh pengusaha tempatan.**
- Perladangan berkontrak yang sedang berjalan:
 - **Golden Corporation Sdn Bhd**
 - **Nur Nabai Aquaculture Sdn Bhd**
 - **Yamako Pacific (B) Sdn Bhd**



5. INISIATIF YANG DILAKSANAKAN KE ARAH MENINGKATKAN KELUARAN

5.4 LOCAL MARKET FACILITATION - PEMADANAN PASARAN (MARKET MATCHING)

Inisiatif ini adalah bercorak **match making** antara pasaraya-pasaraya, pemborong-pemborong, pengendali-pengendali restoran, dan hotel-hotel, dengan peladang-peladang tempatan.

Objektif ialah supaya pasaraya-pasaraya, pemborong-pemborong, pengendali-pengendali restoran, dan hotel-hotel berkenaan, **membeli keperluan sayur-sayuran dan buah-buahan mereka dari peladang-peladang tempatan, terutamanya bagi hasil-hasil tanaman yang boleh tumbuh di negara ini**, seperti tomato, chili, salad, cendawan, melon dan lain-lain; dan juga dari pengusaha penangkapan ikan, terutamanya bagi produk udang, hasil ternakan ikan dalam sangkar, dan juga ikan tangkapan.

Dengan cara begini, peladang akan dapat **menambah lagi keluaran** mereka, dan dengan demikian juga diharap akan **dapat mengurangkan import** bagi barangan barangan berkenaan.



5. INISIATIF YANG DILAKSANAKAN KE ARAH MENINGKATKAN KELUARAN

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bersempena Majlis Sambutan Hari Raya 'Idil Fitri Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Pada Hari Khamis, 22 Syawal 1440H / 27 Jun 2019M

"Beta juga mengalu-alukan **konsep mempertemukan para pengeluar dan pengusaha hasil pertanian dengan peniaga (perusahaan dan *supermarket*)**. Ini boleh membantu memasarkan hasil pertanian dengan lebih berkesan.

Cara ini juga menambahluaskan pasaran pertanian, bukan sahaja pasaran dalam negeri malahan juga akses ke luar negara. Beta mengambil maklum inisiatif seperti ***Contract Farming* dan *Business-Matching* sedang digiatkan bagi mempermudah lagi akses pasaran tersebut.**

Beta sangatlah menghargai kerjasama seperti ini, dan berharap, lebih banyak lagi pasaraya-pasaraya tempatan termasuk pihak pemborong, restoran, perhotelan dan perkhidmatan katering akan melibatkan diri sebagai sokongan kepada Kerajaan."



5. INISIATIF YANG DILAKSANAKAN KE ARAH MENINGKATKAN KELUARAN

Konsep Mempertemukan Para Pengeluar dan Pengusaha Peniaga dan *Supermarket* Semasa Majlis Sambutan Hari Raya 'Idil Fitri Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Pada Hari Khamis, 22 Syawal 1440H / 27 Jun 2019M





5. INISIATIF YANG DILAKSANAKAN KE ARAH MENINGKATKAN KELUARAN

- Inisiatif “*Hasil Segar dari Ladang Kitani*”





5. INISIATIF YANG DILAKSANAKAN KE ARAH MENINGKATKAN KELUARAN

5.5 CO-MATCHING GRANT

- Program ini bertujuan untuk membantu pengusaha sedia ada untuk meningkatkan pengeluaran tanaman menggunakan teknologi penanaman moden dan/atau kaedah perlindungan yang bersesuaian seperti rumah terlindung (greenhouse), sistem fertigasi dan sebagainya.
- Semenjak program ini dijalankan iaitu dengan kerjasama pihak Darussalam Enterprise (DARe), sebanyak **lima (5) buah syarikat** yang telah memohon dan **empat (4) buah syarikat** telah diluluskan untuk mendapat **bantuan dana co-matching grant**.



Syarikat Ibnu Anwari



Perusahaan Teratak Jaya



Perusahaan Zaias



Fr Agro Farm



5. INISIATIF YANG DILAKSANAKAN KE ARAH MENINGKATKAN KELUARAN

5.6 *STANDARD CONSULTANCY PROGRAM BRUNEI GOOD AGRICULTURAL PRACTICE (SCP BGAP)*



Program ini bertujuan untuk membantu peladang-peladang khususnya peladang-peladang yang berdaftar di bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk **mendapat pengiktirafan BGAP** bagi ladang mereka. Di bawah program ini peladang-peladang yang terpilih akan diberikan latihan pengendalian racun kimia pertanian dan pengendalian lepas tuai yang diberikan oleh syarikat Zeneco Solutions.



5. INISIATIF YANG DILAKSANAKAN KE ARAH MENINGKATKAN KELUARAN

5.7 KHIDMAT NASIHAT TEKNIKAL DAN PEMBANGUNAN KAPASITI

- Memberikan khidmat nasihat dan tunjuk ajar dalam meningkatkan keluaran hasil ladang seperti khidmat nasihat kepakaran teknologi moden, pengawalan musuh perosak, pengawalan penyakit tanaman, pengurusan ladang dan khidmat nasihat perniagaan (*agribusiness management*).





5. INISIATIF YANG DILAKSANAKAN KE ARAH MENINGKATKAN KELUARAN

5.8 PROGRAM PASAR KITANI

Program baru ini diperkenalkan untuk menyediakan kemudahan alternatif kepada peladang untuk mempromosikan hasil ladang secara jualan langsung kepada pengguna setiap hujung minggu.

Juga bertujuan untuk dijadikan sebagai:

- Pusat pengedaran dan "value chain" bagi mengimbangi impot
- Platform bagi peladang berinteraksi dengan orang awam
- Memperluaskan rangkaian pemasaran





5. INISIATIF YANG DILAKSANAKAN KE ARAH MENINGKATKAN KELUARAN

5.9 MENGENALKAN SISTEM *ACCOUNT MANAGER*

- Mengaturkan setiap seorang pegawai pertanian/perikanan untuk **mendampingi beberapa orang peladang/pengusaha, termasuk pengusaha muda atau belia**, sambil memantau mereka dari segi perkembangan dan dari segi permasalahan yang mereka hadapi.
- Setiap *Account Manager* akan membantu menyelesaikan masalah peladang-peladang di bawah jagaannya, contohnya masalah infrastruktur, masalah mendapatkan tenaga buruh, masalah mendapatkan baja, masalah mendapatkan benih, masalah penyakit tanaman, masalah banjir, masalah penyakit ikan dan udang, masalah pasaran, masalah import bahan, dan lain-lain.



5. INISIATIF YANG DILAKSANAKAN KE ARAH MENINGKATKAN KELUARAN

5.10 EXPORT MARKET FACILITATION

Dalam usaha untuk meningkatkan eksport dari sektor pertanian dan perikanan, terdapat beberapa perkara yang juga diberi perhatian oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, iaitu:

- Keperluan untuk menjadi sebagai **Competent Authority**,
- Keperluan untuk **mematuhi kehendak Negara Pengimport**; dan
- Persediaan-persediaan untuk **memudahcara sebarang kunjungan Pihak Berkuasa Kompeten dari Negara pengimport** untuk membuat pemeriksaan (audit) terhadap ladang-ladang yang bakal mengeksport hasil tanaman mereka.





5. INISIATIF YANG DILAKSANAKAN KE ARAH MENINGKATKAN KELUARAN

5.10 EXPORT MARKET FACILITATION

- Sebagai contoh, melalui penandatanganan “**Protocol of Phytosanitary Requirements For The Export of Fresh Melon From Brunei Darussalam to China Between The General Administration of Customs of The People’s Republic of China and The Ministry of Primary Resources and Tourism of Brunei Darussalam**” pada 19hb Disember 2019.
 - Sebuah syarikat tempatan yang mengusahakan tanaman muskmelon iaitu **Syarikat GROPOINT Sdn Bhd**, setelah berjaya memenuhi keperluan dan syarat pihak Berkuasa Kompeten dari China yang menjalankan pengauditan di ladang milik Syarikat berkenaan, kini telah **berjaya mengeksport muskmelon ke negara China**.
- Usaha yang sama juga akan terus dilaksanakan bagi mengeksport lain-lain produk pertanian ke negara china, termasuklah juga usaha untuk mengeksport telur ayam ke Singapura.






5. INISIATIF YANG DILAKSANAKAN KE ARAH MENINGKATKAN KELUARAN

5.10 EXPORT MARKET FACILITATION

- Sebagai contoh, melalui penandatanganan “**The Protocol Between the Ministry of Primary Resources and Tourism Brunei Darussalam and The General Administration of Customs of the People’s Republic of China (GACC), The Protocol on Inspection, Quarantine and Veterinary Sanitary Requirements For Farmed Aquatic Products To Be Imported From Brunei Darussalam to the People’s Republic of China**” bagi pada 19 Julai 2021;
 - Sebuah syarikat tempatan yang mengusahakan perusahaan akuakultur iaitu **Syarikat Golden Corporation Sdn Bhd**, setelah berjaya memenuhi keperluan dan syarat pihak Berkuasa Kompeten dari China, kini telah **berjaya mengeksport produk beku udang Vannamei ke negara China pada 13 September 2021.**





5. INISIATIF YANG DILAKSANAKAN KE ARAH MENINGKATKAN KELUARAN

5.11 PROJEK-PROJEK FDI/USAHASAMA PERIKANAN

Projek-projek FDI / usahasama dalam meningkatkan hasil dan pasaran eksport:

- **Golden Corporation Sdn Bhd** – ternakan udang, tangkapan ikan dan pemprosesan ikan/udang
- **Yamako Pacific (B) Sdn Bhd** – penangkapan dan pemprosesan ikan
- **Nur Nabai Aquaculture Sdn Bhd** – ternakan ikan dalam sangkar
- **Hiseaton Fisheries (B) Sdn Bhd** – ternakan ikan dalam sangkar dan pemprosesan
- **Gemilang Seri Shunfan Venture Sdn Bhd** - penangkapan dan pemprosesan ikan
- **Barramundi Group (B) Sdn Bhd** – semaian dan ternakan ikan dalam sangkar di luar pantai
- **Lianfeng Investment Sdn Bhd** – pemprosesan ikan dan udang
- **Blue Ocean Tech Sdn Bhd** – semaian udang
- **Searay Aquatech Sdn Bhd** – semaian dan ternakan ikan
- **Jets Sdn Bhd** – ternakan udang





5. INISIATIF YANG DILAKSANAKAN KE ARAH MENINGKATKAN KELUARAN

Majlis penandatanganan Perjanjian Kontrak bagi “Merekabentuk, Membangun, Mengendalikan Dan Memelihara Kompleks Pendaratan Ikan Muara” pada 22 Disember 2020.



Penandatanganan perjanjian projek bagi pihak Jabatan Perikanan oleh Dayang Noraini (dua dari kiri) dan bagi MPC oleh Lyu Guoli (dua dari kanan) disaksikan bersama oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Ali (tiga dari kiri) dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Mohd Amin Liew (tiga dari kanan).




Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Ali, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Mohd Amin Liew, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir Haji Suhaimi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib dan PYT Yu Hong ketika menghadiri majlis penandatanganan MoU tersebut.



6. SASARAN PERTUMBUHAN KELUARAN KASAR (2020-2022)

6.1 INDUSTRI PERTANIAN & AGRIMAKANAN

RAJAH 5: KELUARAN KASAR INDUSTRI PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN DISASARKAN TUMBUH DARIPADA \$470.86 JUTA (2020) KEPADA \$543.94 JUTA (2022) IAITU PADA KADAR 7.48% SETAHUN






6. SASARAN PERTUMBUHAN KELUARAN KASAR

6.2 INDUSTRI PERIKANAN

**RAJAH 6: KELUARAN KASAR INDUSTRI PERIKANAN
DISASARKAN TUMBUH DARIPADA \$139.06 JUTA (2020) KEPADA \$215.70 JUTA (2022)
IAITU PERTUMBUHAN PADA KADAR 23% SETAHUN**





7. RUMUSAN

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan **sentiasa memberi penekanan kepada pertumbuhan keluaran; produktiviti; eksport; dan berdayatahan** selaras jua dengan teras utama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Ini adalah bagi memastikan:

- adanya pertumbuhan dan penambahan besar dalam keluaran (*output*) dari industri pertanian, perikanan, perhutanan (dan pelancongan) secara berterusan setiap tahun;
- pentingnya penggunaan teknologi dan teknik moden dalam pengeluaran untuk membantu meningkatkan produktiviti, melonjakkan pengeluaran dengan cepat, membantu mengurangkan unit kos pengeluaran serta membantu meningkatkan dayaasaing antarabangsa atau *international competitiveness* sehingga dapat bersaing di peringkat antarabangsa;
- mustahaknya pengusaha untuk tidak lagi bergantung kepada pasaran domestik yang kecil, malah terpaksa menerokai pasaran eksport demi menjamin peluang pertumbuhan peniagaan dan pertumbuhan KDNK; dan
- memastikan bahawa dalam melaksanakan strategi untuk meningkatkan keluaran, sebarang usaha akan dilakukan untuk mengurangkan pergantungan kepada perbelanjaan kerajaan melalui kaedah-kaedah seperti '*public-private partnership*', pelaburan langsung asing dan lain-lain kaedah yang sesuai dan *cost-effective*.

Usaha akan terus ditingkatkan bagi mencapai ke arah pertumbuhan keluaran industri pertanian dan perikanan yang lebih pesat dan mampan serta bagi mencapai sekuriti makanan. Wawasan adalah untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam maju dalam bidang Pertanian dan Perikanan.

TERIMA KASIH